



24 FEB, 2025

Isu bekalan kelapa diatas

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



GAMBAR hiasan

Isu bekalan kelapa diatas

PASIR PUTEH: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membawa masuk sejumlah 640 metrik tan kelapa dengan peningkatan 30 peratus yang diimport termasuk dari Indonesia, bagi menampung keperluan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan itu di seluruh negara, sejak bulan lepas.

Ketua Pengarahnya Abdul Rashid Bahri berkata masalah kekurangan bekalan kelapa bukan hanya berlaku di Malaysia, malah di seluruh dunia berikutan musim melawas dan perkara ini turut dilaporkan dalam persidangan kelapa sebelum ini.

"Berikutan itu, FAMA telah mengambil pendekatan mendapatkan tambahan bekalan kelapa di satu lagi kawasan dari Indonesia iaitu Palembang...sebelum ini di kepulauan Riau.

"Kita juga turut pergiatkan semula usaha mendapatkan kelapa dari Sabah serta Sarawak dan penelitian yang dilakukan di pusat belian FAMA mendapat jumlah bekalan kelapa telah mencatatkan peningkatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Program Menandatangani Perjanjian Jual Beli Forward Agreement Peserta Tanaman Tembakai Kampung Haji

Wan Omar, di sini kelmarin, yang turut dihadiri Pengarah FAMA Kelantan Wan Faizatul Aniza Ismayatim.

Abdul Rashid berkata penambahan pengeluaran itu dijangka menstabilkan bekalan kelapa di seluruh negara, terutama bagi menampung keperluan sepanjang Ramadan dan Aidilfitri.

"Hasil lawatan saya ke Thailand baru-baru ini juga mendapati negara itu turut mendapatkan bekalan kelapa dari Vietnam, sekali gus memberi kelebihan kepada kita untuk memperoleh bekalan kelapa yang lebih banyak," katanya.

Mengulas berhubung cubaan menyeludup kelapa ke Thailand, beliau berkata setakat ini tiada bukti yang jelas bekalan berkenaan dieksport ke negara berkenaan.

Semua yang ditahan mempunyai lesen menjual serta memborong yang sah dan kesalahan mereka hanyalah tidak memamerkan papan tanda sebagai pembeli dan pembekal kelapa yang berlesen.

"Kita juga tidak berhasrat untuk mengehadkan pemberian lesen tersebut kerana lagi ramai yang bermiaga lagi bagus selain memastikan tiada pihak tertentu memonopoli perniagaan ini," katanya. - Bernama



24 FEB, 2025

Isu bekalan kelapa diatas

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PASIR PUTEH: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membawa masuk sejumlah 640 metrik tan kelapa dengan peningkatan 30 peratus yang diimport termasuk dari Indonesia, bagi menampung keperluan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan itu di seluruh negara. sejak bulan lepas. Ketua Pengarahnya Abdul Rashid Bahri berkata masalah kekurangan bekalan kelapa bukan hanya berlaku di Malaysia, malah di seluruh dunia berikutan musim melawas dan perkara ini turut dilaporkan dalam persidangan kelapa sebelum ini.